

WPI: Singapura perlu ikut syarat Malaysia

UM-3/7/2007

KUALA LUMPUR 2 Julai - Singapura perlu akur dengan syarat yang ditetapkan Malaysia sekiranya mahu mengambil bahagian dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, republik itu tidak boleh menetapkan syarat mereka sendiri sekiranya berminat untuk menyertai pelaburan dalam WPI dan Singapura sedar perkara tersebut.

Sehubungan itu beliau menegaskan, dakwaan bahawa Singapura menekan Malaysia dalam perbincangan WPI tidak timbul sama sekali.

"Saya tidak fikir Singapura hendak memperkecilkan kemampuan kita kerana ia kemungkinan membawa kesan negatif.

"Kita berkongsi pandangan dengan repub-



RONALD KIANDÉE

lik itu untuk manfaat bersama," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ronald Kiandee (BN-Beluran) pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, beberapa penyokong kerajaan berasa tidak puas hati dengan dakwaan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew bahawa UMNO Johor tidak mengalu-alukan pelabur dari republik itu terlibat dalam projek WPI.

Menurut Syed Hamid, dakwaan Kuan Yew itu bukannya pandangan pemimpin Singapura.

Tambahnya, sebenarnya pemimpin Singapura amat berminat untuk menyertai WPI.

"Kita juga mengalu-alukan penyertaan negara-negara lain untuk turut melabur di WPI," ujarnya.